

TARIKH	15 / 12 / 2016	SEKSYEN	
MUKA SURAT	24	RUANGAN	184

Teruslah menabung walau ekonomi getir

GRAF tukaran mata wang ringgit dilihat menunjukkan penurunan ketara bermula sejak empat tahun lepas iaitu bermula tahun 2012. Keadaan ini membimbangkan banyak pihak apabila ia menyaksikan nilai terendah pada suku pertama tahun 2016.

Ekoran perkara tersebut, harga barangan secara tidak langsung turut terjejas dan meningkat berbanding biasa. Ia sekali gus mengundang budaya berjimat-cermat dalam kalangan masyarakat sebagai persediaan menghadapi situasi sukar yang melibatkan kewangan.

Melihat kepada pola tabungan ini, rakyat Malaysia dijangka terus menabung pada tahun 2017 meskipun berdepan cabaran dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu di peringkat negara mahupun global.

Dua golongan
Timbalan Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Madya Dr. Mohd. Azlan Shah Zaidi berkata, trend menabung itu bagaimanapun ditentukan oleh dua golongan individu berdasarkan corak perbelanjaan mereka dan cara simpanan tersebut dilakukan.

"Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, terdapat dua golongan individu yang



TIGA pelabur ini melihat papan utama elektronik Bursa Saham di sebuah bank di Kuala Lumpur bagi mengikuti pasaran semasa harga saham. - Gambar hiasan

akan menentukan trend menabung pada tahun 2017. Pertama ialah golongan yang terpaksa berbelanja untuk meneruskan kehidupan dan tidak dapat membuat simpanan.

"Golongan kedua pula ialah mereka yang berhati-hati dalam perbelanjaan, sekali gus membuat simpanan atau menambah tabungan mereka bagi

menampung ketidaktentuan pada masa hadapan," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Menurut Mohd. Azlan, jika dilihat situasi ekonomi ketika ini, jumlah rakyat Malaysia yang membuat simpanan mungkin tidak banyak menunjukkan perubahan dan peningkatan jumlah tabungan juga mungkin tidak sebesar seperti tahun ini. "Namun, jika golongan kedua iaitu individu yang berhati-hati dalam perbelanjaan lebih dominan pada tahun hadapan, maka kadar pertumbuhan bagi tabungan rakyat negara akan tetap positif," ujarnya.

Tambah beliau, data tabungan individu menerusi deposit tetap di bank perdagangan pada tahun 2016 juga telah menunjukkan peningkatan sebanyak 0.36 peratus dan kadar tersebut

dijangka terus positif pada tahun 2017 atau sekurang-kurangnya tidak mengalami banyak perubahan.

"Berdasarkan data tabungan individu tersebut, didapati kadar pertumbuhan bulanan sehingga Oktober tahun 2016 ini secara umumnya telah menunjukkan angka positif meskipun terdapat purata bulanan yang menunjukkan pertumbuhan negatif. Ia diramalkan berlegar dalam peratusan yang sama atau mungkin meningkat sedikit pada tahun depan," jelasnya lagi.

Selain menyimpan secara pasif, tabungan itu juga boleh dilaburkan di institusi kewangan yang diktiraf.

Pakar Ekonomi Bebas, Profesor Dr. Roslan Ahmad menjelaskan, kesedaran tentang situasi ekonomi semasa serta kejatuhan nilai mata wang negara akan menjadi

antara sebab utama rakyat terus menabung dalam institusi kewangan dan juga membuat simpanan secara pelaburan.

Tabung Haji

"Sebelum ini, rakyat Malaysia sebenarnya ramai memilih untuk menyimpan dalam institusi kewangan bukan bank (IKBB) seperti Tabung Haji atau koperasi.

"Mereka sedar bahawa selain dapat menyimpan, wang simpanan mereka juga akan bertambah menerusi pembahagian dividen dan pelaburan mereka," katanya.

Tabungan yang terkumpul dapat digunakan bagi menghadapi situasi cemas atau sukar misalnya jika berlaku kemalangan atau kecemasan yang tidak dapat dielakkan.

Selain itu, ia juga dapat digunakan bagi

menampung keperluan pada waktu yang tidak dijangka misalnya untuk mengadakan majlis atau acara.

TABUNG Haji merupakan salah satu institusi penyimpanan wang yang diyakini oleh masyarakat. - Gambar hiasan



RAKYAT Malaysia dijangka terus menabung pada tahun 2017 sebagai persediaan menghadapi cabaran kewangan global. - Gambar hiasan